

23 JAN 1996

Ling-Yunnan

MALAYSIA AKAN BUAT PENERBANGAN SEWA KHAS KE YUNNAN

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Malaysia sedang mengkaji kemungkinan mengadakan penerbangan sewa khas ke wilayah Kun Min di barat daya China untuk memberi kemudahan kepada pelancong Malaysia yang semakin bertambah ke sana, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Buat masa ini mereka melawat ke situ dengan penerbangan swasta untuk melihat tempat-tempat menarik seperti Hutan Batu," kata beliau kepada pemberita selepas menyambut delegasi 10 orang dari wilayah Yunnan, di pejabatnya.

Delegasi itu diketuai Penasihat Kerajaan Wilayah Yunnan, Encik Gao Yan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir telah membuat lawatan ke daerah itu semasa lawatan rasminya ke China pada 1993.

Dr Ling berkata beliau telah meminta jasa baik Gao untuk mendapat kelulusan kerajaannya bagi membolehkan Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan Malaysia yang lain untuk mengadakan penerbangan sewa khas menurut jadual ke Yunnan.

Bagi kepentingan rakan-rakan dialog Asean seperti Korea and Jepan, (China juga sebuah negara rakan dialog), beliau juga berkata beliau telah memberitahu delegasi itu yang Malaysia berminat terhadap cadangan untuk memajukan hubungan kereta api dari beberapa negara Asean Ke Kun Min.

Gao menyambut baik cadangan itu dan berkata mereka sudah mempunyai sistem landasan kereta api yang serupa dengan yang digunakan di Singapura, Malaysia dan Thailand. Beliau memberitahu Dr Ling bahawa Yunnan merancang untuk mengadakan laluan kereta api dari Kun Min ke Hanoi dan kemudiannya disambung melalui Laos, Bangladesh, Malaysia dan Singapura.

Dr Ling berkata Malaysia perlu mempunyai hubungan udara dengan Kun Min "kerana hanya dengan hubungan pengangkutan yang cekap kita boleh mengadakan hubungan perdagangan ke seluruh rantau ini termasuk lembangan Mekong.

"Ini akan seterusnya memajukan seluruh rantau ini di samping menambahkan lagi hubungan antara rakyat masing-masing selain bidang pelancogan," kata beliau.

Menurut Dri Ling, Gao berjanji untuk berbincang dengan menteri pengangkutannya bagi memepercepatkan kelulusan bagi cadangan penerbangan ke Kun Min itu.

Antara anggota delegasi itu ialah Ketua Pengarah Suruhanjaya Perancangan, Hunag Weibin, Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Wilayah Yunnan, Liang Guoqing, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan, Yang Biliang, Timbalan Ketua Pengarah Luar Negeri, Peng Rendong dan Presiden Bank Perhubungan China Cawangan Yunnan. -- Bernama